



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI KESELAMATAN PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
(C.3-4 EB.5)  
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI KESELAMATAN PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Keselamatan atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji sekurang-kurangnya C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sebagai Penolong Pegawai Keselamatan Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- d) Pernah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sekurang-kurangnya berpangkat Pegawai Waran I atau di dalam Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor.

2. Keutamaan diberikan kepada calon **LELAKI**.

3. Berkeupayaan dalam mempelajari, mengaplikasikan dan mengikuti teknologi sekuriti terkini serta mengetahui isu-isu keselamatan terkini dengan cepat serta mempunyai kemahiran penyelesaian masalah dengan baik.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada Ketua Pegawai Keselamatan bagi membantu untuk menyelaraskan perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan akan terpelihara dan berjalan dengan baik dan teratur sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pegawai Keselamatan;
2. Memberi sokongan dan perancangan kepada pelaksanaan tugas-tugas kawalan keselamatan kepada Ketua Pegawai Keselamatan;
3. Mengawasi semua Pembantu Keselamatan bagi mendapatkan maklumat mengenai hal ehwal dan masalah untuk dimaklumkan kepada Ketua Pegawai Keselamatan untuk panduan bagi sesuatu penilaian sama ada ianya untuk perseorangan, kumpulan atau Pejabat Keselamatan seluruhnya;
4. Membuat tindakan jika satu-satu perkara dan kejadian itu difikirkan memerlukan tindakan dan nasihat serta pandangan. Jika ianya di luar kuasa Pegawai Keselamatan, hendaklah ianya dilaporkan kepada Ketua Pegawai Keselamatan;
5. Hendaklah sentiasa siap sedia jika sekiranya dikehendaki untuk memberi laporan sulit mengenai kakitangan kepada Ketua Pegawai Keselamatan terutamanya Pembantu Keselamatan; dan
6. Membuat penilaian dan memberi cadangan kepada Ketua Pegawai Keselamatan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan kakitangan Bahagian Keselamatan.